

05/07/2001

Usahawan sambut baik langkah kerajaan

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Pelbagai pihak menyambut baik langkah kerajaan menyediakan peruntukan RM500 juta bagi membantu lebih 10,000 usahawan Bumiputera menerusi Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU).

Pengerusi Biro Ekonomi Pergerakan Pemuda Umno, Wan Muhammad Khairil Anuar Wan Ahmad berkata, ini membuktikan kerajaan konsisten dalam memberi bantuan tanpa mengira usahawan besar atau kecil.

Katanya, bantuan itu bukan saja memberi nafas baru kepada usahawan yang mengalami kesan kegawatan ekonomi, malah dapat menjana dan menggerakkan semula ekonomi negara.

"Secara langsung ia juga menunjukkan kerajaan melaksanakan tanggungjawab sosial melalui pembelaan terhadap semua pekerja di syarikat terbabit," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas langkah kerajaan mewujudkan Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) bagi membantu lebih 10,000 usahawan Bumiputera yang menanggung hutang akibat kegawatan ekonomi.

Semalam, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan tabung itu bertujuan menangani masalah usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) Bumiputera yang mempunyai hutang tidak berbayar (NPL) sehingga RM1 juta.

Wan Muhammad Khairil berharap institusi perbankan yang menjadi agen pelaksana pinjaman itu, perlu lebih sensitif dalam membuat penelitian dan pertimbangan kepada usahawan terbabit.

"Bank perlu sensitif kerana kerajaan juga pernah menyelesaikan masalah NPL bank melalui suntikan dana modal dan penyusunan semula hutang korporat (CDRC) ketika kegawatan ekonomi," katanya.

Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Roslan Awang Chik pula berharap kerajaan meneliti pemilihan usahawan Bumiputera yang layak menerima bantuan itu agar tidak wujud amalan pilih kasih.

"Dalam kegawatan ekonomi yang lalu, 3,500 kontraktor Bumiputera mengalami kesan negatif. Kami berharap hanya usahawan yang benar-benar mengalami kesulitan diberikan suntikan modal," katanya.

Presiden Persatuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan dan Profesyen (Peniagawati), Puan Seri Ashidah Minin berkata, garis panduan syarat kelayakan bagi permohonan bantuan itu perlu bagi memastikan hanya usahawan yang layak menerimanya.

"Bukan semua usahawan Bumiputera yang tulen kerana ada beroperasi menggunakan nama Bumiputera tetapi perniagaan itu dimiliki bukan Bumiputera. Jadi, usahawan Bumiputera perlu musabahah diri masing-masing," katanya.

Beliau juga meminta pihak yang menjadi agen pelaksana pinjaman, bersikap adil dan lebih sensitif bagi memastikan usahawan Bumiputera dapat bersaing dengan sihat dalam pasaran.

Sementara itu, seorang pengusaha batik dan makanan yang mahu dikenali sebagai Abdul Karim berkata, pihak bank terutama institusi perbankan asing perlu prihatin dalam memberi pinjaman.

Katanya, kebanyakan institusi perbankan tidak mahu menanggung risiko, malah keberatan memberi bantuan apabila usahawan terbabit mempunyai hutang tidak berbayar.

(END)